



**MAJLIS DAERAH JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

BIL	JAWATAN & GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI		JUMLAH KEKOSONGAN & TARAF JAWATAN
			MINIMUM	MAKSIMUM	
1.	Penolong Pegawai Tadbir N29 (Pelancongan)	Pelaksana	RM1,493.00	RM5,672.00	1 (Kontrak)

1. SYARAT LANTIKAN, GAJI, ELAUN DAN CARA MEMOHON:-

- Sila layari laman web Majlis Daerah Jempol di alamat www.mdjl.gov.my
- Jadual gaji di atas tidak termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam, Imbuhan Tetap Perumahan, Bantuan Sara Hidup.

SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) warganegara Malaysia;
- b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) diploma dalam bidang pelancongan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab dalam pengurusan pelancongan di daerah Jempol, Negeri Sembilan.

CARA MEMOHON:

- Permohonan hendaklah menggunakan Borang Khas dengan harga RM 1.00 termasuk GST yang boleh didapati dari Pejabat Majlis Daerah Jempol (Bahagian Kaunter). Pemohon juga boleh muat turun borang permohonan daripada laman web Majlis Daerah Jempol di alamat www.mdjl.gov.my.
- Permohonan daripada Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Badan Berkanun/Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang di kemas kini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan disertakan bersama.
- Setiap permohonan mestilah disertai dengan salinan sijil-sijil dan mengikut susunan berikut :
 - i) Salinan Kad Pengenalan
 - ii) Salinan Surat Beranak
 - iii) Salinan Sijil PMR/SRP/MCE/SPM/HSC/STPM atau setaraf
 - iv) Salinan Sijil / Diploma atau setaraf
 - v) Salinan Semakan Pengiktirafan Kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam
(Semakan melalui <http://pengiktirafan.jpa.gov.my>)
 - vi) Setiap pemohon **WAJIB** hadir dan **LULUS** semua ujian yang ditetapkan sebelum disenarai pendek bagi menghadiri temuduga
- Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya
- Pentadbiran Majlis tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan segala keputusan yang dibuat berkaitan dengan urusan ini adalah muktamad.

- Nama jawatan hendaklah ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada:-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH JEMPOL,
72120 BANDAR SERI JEMPOL,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

- **TARIKH TUTUP PERMOHONAN - 5 MEI 2017**
- Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya:
 - a) Borang permohonan tidak lengkap
 - b) Tidak memenuhi syarat iklan